

Headline	Akur, sedia letak jawatan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Mar 2021	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	3
ArticleSize	439 cm <sup>2</sup>	Journalist	JUANIMUNIR. ASLINDA
PR Value	RM 54,061		



# Akur, sedia letak jawatan

Oleh JUANI MUNIR, ASLINDA  
NASIR dan NADIA HASHIM  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pemimpin UMNO dalam Kabinet dan memegang jawatan dalam syarikat milik kerajaan (GLC) sedia meletak jawatan apabila ditetapkan Majlis Tertinggi (MT) nanti.

Ia dinyatakan dengan jelas oleh Naib Presiden UMNO, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** yang akan akur pada keputusan parti untuk meninggalkan jawatan Menteri Kanan (Keselamatan).

"Tadi dah diputuskan untuk kita serahkan kepada MT tetapkan nanti. Kita tunggu lah.

"Sebagai ahli parti, pemimpin parti sudah pasti keputusan parti tak kiralah Majlis Tertinggi atau Perhimpunan Agung UMNO, ia adalah autoriti paling tinggi untuk menentukan keputusan. Kita mesti akur dengan keputusan parti," katanya.


Bagi Menteri Tenaga dan Sumber Asli, **Datuk Seri Shamsul Anuar Nasarah**, beliau juga bersedia meletak jawatan sekiranya ia arahan kepimpinan parti.

Katanya, tindakan itu sebagai bukti kesetiannya kepada UMNO yang berjuang semata-mata untuk rakyat, bukan jawatan.

"Saya secara peribadi akan akur dan patuh atas apa juga keputusan yang parti lakukan. Sebagai pemimpin, kita tak boleh mempunyai agenda peribadi. Keutamaan adalah agenda parti.

"Maka, apa juga keputusan parti, itu akan menjadi pendirian saya," katanya.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, **Datuk Seri Bung Moktar Radin** pula berkata, beliau perlu meneliti keputusan tersebut supaya ia tidak memberi kesan



**PRESIDEN UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menyampaikan ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung UMNO 2020 di Kuala Lumpur, semalam. -GAMBAR MEDIA UMNO**

kepada rakyat Sabah.

"Ini memperlihatkan bahawa demokrasi di Malaysia begitu berkembang. Bagaimanapun UMNO Sabah perlu melihat kepentingan negeri Sabah dan kepentingan rakyat Sabah diberi kepastian," katanya.

Bagi Pengurus Prasarana, **Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman**, beliau tiada masalah untuk melepaskan jawatan berkenaan.

"Kita sudah buat kerja awal lagi dan sudah bersedia walau-pun terpaksa lepas jawatan. Bukan besar sangat pun jawatan itu.

"Pejuang UMNO dan parti lagi besar dari segala-galanya, perjuangan tak boleh dijual beli," katanya.

Pandangan yang sama turut dilemparkan Pengurus TNB,

**Datuk Seri Mahdzir Khalid** yang menyerahkan segala keputusan kepada MT dalam membuat sebarang keputusan berhubung perkara berkenaan.

"Hari ini perwakilan Perhimpunan Agung UMNO 2020 sudah serahkan kepada Presiden parti dan Majlis Tertinggi untuk tentukan tempoh bagi membuat sebarang keputusan untuk keluar daripada kerajaan Perikatan Nasional," katanya.

Ahli MT, **Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican** juga akan mengikut keputusan yang bakal ditentukan UMNO berhubung kedudukannya sebagai Menteri Belia dan Sukan.

Katanya, beliau selaku orang parti sentiasa akur terhadap segala ketetapan yang bakal

dimuktamadkan UMNO kelak khususnya membabitkan hala tuju politik.

"Itu pandangan dia (Pengerusi Jemaah Penasihat UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah). Tetapi dalam parti, kita buat keputusan ikut parti yang menyatakan kebersamaan kami dalam kerajaan sehingga pembubaran Parlimen.

"I'm party man (saya orang parti). Sebab itu saya jarang suarakan pandangan peribadi yang boleh membawa perpecahan walaupun saya ada pandangan sendiri," katanya dalam sidang akbar ketika melawat Laman Media Perhimpunan Agung UMNO 2020 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC) di sini semalam.